

30 APR 1998

Law-air

SEMBURAN AIR DARI ATAS BANGUNAN DILAKSANA SEMULA

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Kabinet telah mengarahkan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melaksanakan semula kaedah semburan air dari atas bangunan tinggi bagi mengurangkan habuk terampai di udara kesan daripada cuaca panas sekarang.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding berkata sebagai permulaan kaedah itu akan dilaksanakan di menara berkembar Petronas sebelum diperluaskan ke bangunan-bangunan lain.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri telah mengeluarkan arahan ini semalam semasa mesyuarat mingguan Kabinet," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis penyerahan kolar pemancar satelit oleh Boh Plantations Sdn Bhd kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), di sini hari ini.

Satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha kementerian sudah ditubuhkan semalam untuk mengkaji kaedah melaksanakan semburan air dari bangunan tinggi.

Jawatankuasa ini dianggotai saintis-saintis kementerian, pakar dari universiti tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan jabatan-jabatan yang berkaitan.

Ketika ditanya mengenai kesan tekanan air rendah di Lembah Klang sekarang terhadap usaha semburan air itu, Law berkata jawatankuasa berkenaan sedang mengkaji kemungkinan menggunakan bahan alternatif selain daripada air.

"Semburan juga boleh dibuat menggunakan bahan kimia khas yang tidak berbahaya kepada kesihatan," katanya.

Law berkata dua peralatan penapis udara akan dipasang di Hentian Puduraya pada bulan depan bagi mengurangkan kadar pencemaran di kawasan hentian basa dan teksi itu.

Alat penapis bersaiz besar ini dicipta oleh syarikat tempatan dan berharga RM50,000 sebuah.

Law berkata kementerian juga sedang mengkaji kemungkinan memasang alat penapis berkenaan di tempat-tempat lain yang tahap kualiti udaranya kurang baik.

--BERNAMA

NY RHM MAI